



ADVOKASI DAN PENDIDIKAN HAK PEKERJA

PERATURAN 9(1)


PERATURAN-PERATURAN KERJA (PEKERJA SEPARA MASA) 2010

Seseorang pekerja separa masa adalah **BERHAK mendapat satu hari rehat dalam setiap minggu jika dia bekerja lima hari atau lebih dengan jumlah masa bekerja tidak kurang daripada dua puluh jam seminggu.**

PERATURAN 9(2)

PERATURAN-PERATURAN KERJA (PEKERJA SEPARA MASA) 2010

Jika pekerja separa masa dikehendaki oleh majikannya untuk **bekerja pada masa kerja normalnya pada hari rehat** yang dia berhak di bawah kontrak perkhidmatannya, dia hendaklah **dibayar tidak kurang daripada dua hari gaji pada kadar bayaran biasanya** yang dia berhak pada hari itu.



PERATURAN 9(3)

PERATURAN-PERATURAN KERJA (PEKERJA SEPARA MASA) 2010

Jika seorang pekerja separa masa dikehendaki untuk bekerja lebih daripada masa kerja normalnya pada hari rehat, dia hendaklah dibayar bagi kerja tambahan itu pada kadar yang berikut

<u>ADAKAH MELEBIHI MASA KERJA NORMAL PEKERJA SEPENUH MASA?</u>	<u>KADAR BAYARAN KERJA LEBIH MASA PADA HARI REHAT</u>
TIDAK	1.5 KALI GANDA / JAM
YA	2 KALI GANDA / JAM

PERATURAN 9(4)

PERATURAN-PERATURAN KERJA (PEKERJA SEPARA MASA) 2010

DENDA BAGI MAJIKAN YANG TIDAK MEMBAYAR KADAR GAJI PADA HARI REHAT MENGIKUT SUBPERATURAN (2) DAN (3)

Majikan tersebut boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit sekiranya disabit bersalah.